

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 24 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 03



ZURAIDA KAMARUDDIN

KPKT anjur HOC, atasi lambakan rumah

KUALA LUMPUR 23 Sept. - Kira-kira 10,500 unit rumah akan ditawarkan kepada orang ramai melalui Kempen Pemilikan Rumah (HOC) 2019 yang bakal berlangsung pada 4 hingga 6 Oktober ini di Nu Sentral.

Kempen yang berlangsung selama tiga hari itu dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, kempen tersebut adalah salah satu usaha kerajaan bagi mengatasi masalah lambakan rumah yang tidak terjual pada ketika ini.

Beliau berkata, lambakan rumah yang diusahakan pemaju secara keseluruhannya dianggarkan bernilai RM100 bilion.

"Penganjuran HOC buat pertama kalinya itu akan memberi fokus kepada jualan rumah mampu milik di bawah RM300,000 bagi memberi peluang golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) dan pertengahan (M40) untuk memiliki rumah.

"Sebanyak 42 agensi termasuk pemaju perumahan, institusi kewangan serta khidmat nasihat akan mengambil bahagian dalam kempen tersebut selain menawarkan diskaun sehingga RM30,000 melalui Skim Perumahan Mampu Milik, namun perkara ini tertakluk kepada syarat dan terma yang telah ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Pra Pelancaran Kempen HOC di sini hari ini.

Tambah Zuraida, pihaknya menyasarkan 80 peratus iaitu RM1.6 bilion dalam tempoh tiga hari sempena kempen tersebut.

"Kita akan tengok sama ada kempen ini perlu dilanjutkan atau tidak memandangkan sudah pasti akan ada unit rumah yang masih belum terjual," katanya.